

PENGARUH FAKTOR SOSIO BUDAYA TERHADAP  
ARAS KESUBURAN WANITA MELAYU DI MUKIM  
CHETOK, JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN

NIK NORLIATI FITRI BINTI MD NOR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T akhirnya saya dapat menyiapkan tesis Sarjana ini dengan jayanya. Saya sedar bahawa kajian dan tesis ini tidak dapat disiapkan tanpa bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Sukacita, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Usman Haji Yaakob selaku penyelia utama ijazah sarjana ini yang turut memberi perhatian, teguran dan nasihat terhadap perkembangan pengajian ini. Sesungguhnya, tunjuk ajar yang diberikan tanpa jemu membolehkan saya mempertingkatkan mutu dan kualiti penulisan tesis ini. Seterusnya tidak lupa juga kepada Dr Tarmiji Masron selaku penyelia bersama dalam pengajian ini yang turut sama membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada En. Aziz Abdul Majid atas tunjuk ajar beliau mengenai cara menganalisis data menggunakan SPSS (*Statistical Package Social Science*).

Seterusnya setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada badan-badan kerajaan dan juga orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa kajian ini dijalankan di Mukim Chetok, Pasir Mas, Kelantan. Tidak ketinggalan juga kepada suami, keluarga, sanak-saudara serta rakan seperjuangan yang tidak jemu-jemu memberikan galakan dan dorongan. Segala jasa dan budi baik mereka amat saya hargai.

**Nik Norliati Fitri Md Nor**

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

## SENARAI ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv

### BAB 1- PENGENALAN KEPADA KAJIAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Saiz dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Malaysia	2
1.3	Struktur Umur, Jantina dan Nisbah Tanggungan	3
1.4	Trend Kesuburan dan Perbezaannya di Malaysia.	4
1.5	Isu dan Permasalahan Kajian	8
1.6	Objektif Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Masalah Semasa Kajian	12
1.9	Skop dan Batasan Kajian	13
1.10	Kepentingan Kajian	13
1.11	Keterangan Konsep	15
1.11.1	Kesuburan	15
1.11.2	Kadar Kelahiran Kasar	15
1.11.3	Kadar Kematian Kasar	16
1.11.4	Kadar Kematian Bayi	16
1.11.5	Kadar Jumlah Kesuburan	16
1.11.6	Kadar Kesuburan Umur Tertentu.	16
1.11.7	Saiz Keluarga	17
1.11.8	Tempoh Gestasi	17
1.11.9	Fekunditi	17
1.11.10	Pariti	18
1.11.11	Umur Perkahwinan Pertama	18

1.11.12	Kontraseptif	18
1.11.13	Taraf Pendidikan	18
1.11.14	Pekerjaan Wanita	19
1.11.15	Dasar 70 Juta Penduduk	19
1.12	Penentu-penentu Kesuburan	20
1.13	Organisasi Kajian	22

## BAB 2- TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Trend Kesuburan di Negara Maju	24
2.3	Trend Kesuburan di Asia	27
2.4	Trend Kesuburan di Asia Tenggara	33
2.5	Trend Kesuburan di Malaysia	37
2.5.1	Trend Kesuburan Mengikut Negeri- negeri di Malaysia	42
2.6	Trend Kesuburan di Kelantan	49
2.6.1	Kesuburan Mengikut Jajahan Pentadbiran di Kelantan	54
2.7	Teori Peralihan Demografi	57
2.8	Perancangan Keluarga	60
2.9	Taraf Pendidikan	65
2.10	Urbanisasi dan Kemiskinan di Kelantan	66
2.11	Ringkasan	70

## BAB 3- METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	71
3.2	Kerangka Teoritis Penyelidikan	72
3.3	Peta Kawasan Kajian	74
3.4	Pengumpulan Sumber Data	74
3.4.1	Pengumpulan Sumber Data Primer	75
3.4.2	Pengumpulan Sumber Data Sekunder	
3.5	Pengambilan Sampel	76
3.6	Kaedah Menganalisis Data	77
3.7	Operasionalisasi Pembolehubah dan Analisis Korelasi	78
3.8	Struktur Umur Penduduk Kawasan Kajian	81

3.9	Ringkasan	86
<b>BAB 4- PENGARUH SOSIO BUDAYA TERHADAP ARAS KESUBURAN DAN UMUR PERKAHWINAN PERTAMA WANITA DI KELANTAN</b>		
4.1	Pengenalan	87
4.2	Ciri-ciri Sosio Budaya Responden	87
4.2.1	Umur Responden	87
4.2.2	Status Perkahwinan	88
4.2.3	Taraf Pendidikan	90
4.2.4	Jenis Pekerjaan	91
4.2.5	Pendapatan Bulanan	93
4.3	Jumlah Anak mengikut Ciri-ciri Sosio Budaya dan Demografi	94
4.3.1	Saiz Keluarga Responden	94
4.3.2	Jumlah Anak Mengikut Kumpulan Umur	95
4.3.3	Jumlah Anak Mengikut Pekerjaan	96
4.3.4	Jumlah Anak Mengikut Pendapatan	98
4.4	Min Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Ciri-ciri Sosio Budaya dan Demografi	99
4.4.1	Min Umur Perkahwinan Pertama	100
4.4.2	Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Kumpulan Umur	103
4.4.3	Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Taraf Pendidikan	104
4.4.4	Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Pekerjaan	108
4.4.5	Umur Perkahwinan Pertama Mengikut Bilangan Anak yang Dilahirkan	110
4.6	Perbincangan	112
4.7	Ringkasan	114

<b>BAB 5- PENGETAHUAN DAN AMALAN PERANCANG KELUARGA SERTA KEBERKESANANNYA TERHADAP KESUBURAN</b>		
5.1	Pengenalan	117
5.2	Pengetahuan dan Sumber Maklumat Tentang Amalan Perancang Keluarga	118
5.2.1	Pengetahuan Amalan Perancang Keluarga dan Hubungannya dengan Taraf Pendidikan	119
5.3	Kefahaman Responden Mengenai Amalan Perancang Keluarga	121
5.4	Kaedah yang Pernah Didengar Responden	122
5.5	Persetujuan Tentang Program Perancang Keluarga	123
5.6	Penyertaan Responden dalam Ceramah Program Perancangan Keluarga	124
5.7	Amalan dan Kaedah Perancang Keluarga Mengikut Ciri- Ciri Sosio Budaya dan Demografi	126
5.7.1	Amalan Perancang Keluarga dan Hubungannya dengan Kelas Umur	131
5.7.2	Amalan Perancang Keluarga dan Hubungannya dengan Taraf Pendidikan	132
5.7.3	Amalan Perancang Keluarga dan Hubungannya dengan Pekerjaan	134
5.7.4	Amalan Perancang Keluarga dan Hubungannya dengan Umur Perkahwinan Pertama	136
5.8	Kesan Sampingan Amalan Perancang Keluarga	137
5.9	Keguguran Responden	138
5.10	Tingkah laku Responden dalam Mengekalkan Saiz Keluarga yang Besar	140
5.11	Masalah Berbangkit Berhubung Anak yang Ramai	142
5.12	Persepsi Responden Terhadap Saiz Keluarga Ideal	143
5.13	Persepsi Responden Terhadap Dasar 70 Juta Penduduk	145
5.14	Persepsi dan Sikap Responden Terhadap Kesuburan di Kelantan	148
5.15	Pandangan Responden Terhadap Saiz Keluarga Besar Pada Masa Akan Datang	153
5.16	Pandangan Responden Mengenai Wanita Islam yang Dikaitkan dengan Kesuburan yang Tinggi	154

5.17	Ringkasan	155
------	-----------	-----

## BAB 6- RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	156
-----	------------	-----

6.2	Penemuan Kajian	156
-----	-----------------	-----

6.3	Cadangan Penyelidikan Pada Masa Hadapan	163
-----	---	-----

	Bibliografi	165
--	-------------	-----

Lampiran

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Jumlah penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan Malaysia, 1970-2005.	3
Jadual 1.2:	Struktur umur penduduk Kelantan, 2000.	4
Jadual 1.3:	Perkaitan antara jumlah anak yang dimiliki dengan wanita bekerjaya.	6
Jadual 1.4:	Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar penduduk mengikut kumpulan etnik di Sarawak.	7
Jadual 2.1:	Kadar kelahiran kasar di negara-negara maju, 1950-1955-2010-2015.	26
Jadual 2.2:	Kadar jumlah kesuburan di negara-negara maju, 1950-1955-2010-2015.	27
Jadual 2.3:	Kadar kelahiran kasar di negara-negara Asia, 1950-1955-2010-2015.	28
Jadual 2.4:	Kadar jumlah kesuburan di negara-negara Asia, 1950-1955-2010-2015.	30
Jadual 2.5:	Kadar kelahiran kasar bagi negara Asia Tenggara 1950-1955-2010-2015.	34
Jadual 2.6:	Kadar jumlah kesuburan bagi negara Asia Tenggara 1950-1955-2010-2015.	36
Jadual 2.7:	Kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar di Malaysia dan Semenanjung Malaysia 1950-2004.	39
Jadual 2.8:	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik di Malaysia dan Semenanjung Malaysia, 1970-2004.	40
Jadual 2.9:	Kadar jumlah kesuburan mengikut kumpulan etnik di Malaysia, 1991-2004.	41
Jadual 2.10:	Kadar kelahiran kasar mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, 1950-2004.	44
Jadual 2.11:	Kadar jumlah kesuburan mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, 1970-2004.	46



Jadual 2.12:	Min umur perkahwinan pertama bagi wanita di Malaysia mengikut negeri, 1991-2000.	48
Jadual 2.13:	Trend kadar kelahiran kasar di negeri Kelantan pada tahun 1950-2004.	50
Jadual 2.14:	Kadar jumlah kesuburan dan kadar kesuburan umur tertentu di negeri Kelantan, 1970-2004.	52
Jadual 2.15:	Kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar bagi setiap jajahan pentadbiran yang terdapat di negeri Kelantan, 1990-2000.	56
Jadual 2.16:	Peratusan bilangan penerima baru perancang keluarga mengikut kaedah di negeri Semenanjung Malaysia, 1986-2007.	62
Jadual 2.17:	Jumlah penduduk yang pernah bersekolah mengikut taraf pendidikan dan jantina di Kelantan, 2000.	65
Jadual 2.18:	Paras pembedaran mengikut negeri di Malaysia, 1970-2010.	67
Jadual 2.19:	Kadar kemiskinan mengikut negeri di Malaysia, 1976- 2004.	69
Jadual 3.1:	Pembolehubah mengikut kod yang digunakan.	79
Jadual 3.2:	Matrik kolerasi antara pembolehubah kajian.	80
Jadual 3.3:	Struktur umur penduduk Kelantan, 2000.	82
Jadual 3.4:	Jumlah penduduk mengikut kumpulan umur di Jajahan Pasir Mas dan Mukim Chetok, 2000.	83
Jadual 3.5:	Guna tenaga di Kelantan mengikut kategori pekerjaan, 2000.	84
Jadual 3.6:	Jumlah guna tenaga di Mukim Chetok.	85
Jadual 4.1:	Analisis ciri-ciri demografi responden.	89
Jadual 4.2:	Jenis pekerjaan responden.	92
Jadual 4.3:	Purata bilangan anak mengikut kumpulan umur responden.	96

Jadual 4.4:	Perkaitan antara jumlah anak dengan pekerjaan responden.	96
Jadual 4.5:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara bilangan anak dengan pekerjaan responden.	97
Jadual 4.6:	Perkaitan antara bilangan anak dengan pendapatan bulanan keluarga responden.	98
Jadual 4.7:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara bilangan anak dengan pendapatan bulanan responden.	98
Jadual 4.8:	Purata bilangan anak mengikut jumlah pendapatan responden	99
Jadual 4.9:	Perkaitan antara umur perkahwinan pertama dengan kumpulan umur responden.	104
Jadual 4.10:	Min umur perkahwinan pertama bagi setiap kumpulan umur	104
Jadual 4.11:	Perkaitan kumpulan umur perkahwinan pertama dengan taraf pendidikan responden.	106
Jadual 4.12:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara kumpulan umur perkahwinan pertama dengan taraf pendidikan yang dimiliki responden.	107
Jadual 4.13:	Min umur perkahwinan pertama dengan taraf pendidikan.	108
Jadual 4.14:	Perkaitan kumpulan umur perkahwinan pertama dengan sektor pekerjaan responden.	109
Jadual 4.15:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara kumpulan umur perkahwinan pertama dengan pekerjaan responden.	110
Jadual 4.16:	Perkaitan kumpulan umur perkahwinan pertama dengan bilangan anak yang pernah dilahirkan responden.	112
Jadual 4.17	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara kumpulan umur perkahwinan pertama dengan bilangan anak yang pernah dilahirkan.	112
Jadual 5.1:	Perkaitan antara pengetahuan mengenai amalan perancang keluarga dengan taraf pendidikan responden.	120

Jadual 5.2:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara pengetahuan amalan perancang keluarga dengan taraf pendidikan responden.	121
Jadual 5.3:	Amalan perancang keluarga dan hubungannya dengan kumpulan umur.	131
Jadual 5.4:	Perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan taraf pendidikan responden.	132
Jadual 5.5:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan taraf pendidikan responden.	133
Jadual 5.6:	Perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan pekerjaan.	135
Jadual 5.7:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan pekerjaan.	135
Jadual 5.8:	Perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan kumpulan umur perkahwinan pertama pertama responden.	136
Jadual 5.9:	Ujian <i>chi-square</i> untuk menguji hipotesis perkaitan antara amalan perancang keluarga dengan kumpulan umur perkahwinan pertama responden.	137

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Kerangka konseptual: Penentu-penentu kesuburan.	21
Rajah 2.1:	Kadar kesuburan umur tertentu negeri-neger terpilih di Semenanjung Malaysia, 2004.	53
Rajah 3.1:	Peta kawasan kajian	73
Rajah 3.2:	Kerangka teoritis penyelidikan	74
Rajah 4.1:	Peratus jumlah anak yang dimiliki responden.	94
Rajah 5.1:	Pengetahuan responden mengenai amalan perancang keluarga.	118
Rajah 5.2:	Sumber maklumat mengenai amalan perancang keluarga	119
Rajah 5.3:	Kaedah yang biasa didengar dalam amalan perancang keluarga.	123
Rajah 5.4:	Pernah atau tidak mengikuti program perancangan keluarga.	126
Rajah 5.5:	Amalan perancang keluarga.	128
Rajah 5.6:	Kaedah perancangan keluarga yang dipilih responden.	129
Rajah 5.7:	Perihal keguguran responden.	139
Rajah 5.8:	Pendapat responden mengenai keinginan untuk berkeluarga besar.	141
Rajah 5.9:	Masalah berbangkit berhubung anak yang ramai.	143
Rajah 5.10:	Pandangan responden mengenai bilangan anak yang ideal pada masa sekarang.	145
Rajah 5.11:	Pengetahuan responden mengenai Dasar 70 juta penduduk.	147
Rajah 5.12:	Pendapat responden tentang tahap kesuburan di Kelantan yang tertinggi di Malaysia.	149
Rajah 5.13:	Pengetahuan responden mengenai kesuburan yang tinggi di Kelantan	153



**PENGARUH FAKTOR SOSIO BUDAYA TERHADAP ARAS KESUBURAN  
WANITA MELAYU DI MUKIM CHETOK, JAJAHAN PASIR MAS,  
KELANTAN**

**ABSTRAK**

Kajian mengenai aras kesuburan wanita Melayu yang dijalankan di Mukim Chetok, Jajahan Pasir Mas, Kelantan melibatkan kajian sosio budaya. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dengan menemubual saiz sampel seramai 318 wanita yang telah berkahwin yang dipilih menggunakan kaedah Jadual Nombor Rawak. Kajian menunjukkan min umur responden ialah 44.04 tahun dan sebanyak 37.1 peratus responden berpendidikan SPM, 30.5 peratus sekolah rendah ke bawah, PMR adalah 27.7 peratus. Sebanyak 87.1 peratus responden adalah tidak bekerja dan berpendapatan di bawah garis kemiskinan. Kajian juga mendapati min umur perkahwinan pertama responden adalah rendah iaitu 20.9 tahun. Kesuburan Melayu di kawasan kajian adalah tinggi dan purata bilangan anak responden adalah 5.8 kanak-kanak per wanita. Berdasarkan kajian faktor-faktor sosio budaya seperti taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan agama telah mempengaruhi umur perkahwinan pertama dan juga kesuburan responden. Kajian juga mendapati 65.4 peratus daripada responden mengetahui tentang perancangan keluarga tetapi hanya 22.3 peratus responden sahaja yang menggunakannya. Fenomena ini menjadi salah satu faktor kesuburan di Kelantan masih tinggi pada masa sekarang. Selain daripada itu, faktor agama Islam merupakan satu faktor penting yang menghalang kesuburan menurun dan sekaligus menyumbang kepada kadar kesuburan yang tinggi di Kelantan. Dasar 70 juta penduduk turut sama dikaji dan mendapati hanya 17.3 peratus responden sahaja yang mengetahui mengenainya.

# **SOCIO CULTURAL FACTORS INFLUENCING THE FERTILITY LEVEL OF MALAY WOMEN IN MUKIM CHETOK, DISTRICT OF PASIR MAS, KELANTAN**

## **ABSTRACT**

This research base on fertility level among Malay woman that conducted in Mukim Chetok, District of Pasir Mas, Kelantan involving studies in socio culture. This research use questionnaire form to interview sample size of 318 married women respondent chosen using Random number table method. The study show min age of respondent was 44.04 year and 37.1 percent respondent educated at level SPM, 30.5 percent primary school level and below, PMR level was 27.7 percent. As much as 87.1 percent respondents are not working and have income below poverty line. This study also show that min age for respondent to first marriage was below 20.9 year. Malay women's fertility level in research area was high and the average number of child of respondent was 5.8 children per women. Based on this research, socio economic and cultural factors as education level, occupation, income, and religion have influenced the age of first marriage and respondent's fertility level. This study also found that 65.4 percent respondents have the knowledge of family planning but only 22.3 percent respondent used it. This phenomenon becomes one of the factors that led fertility level in Kelantan remains still high today. This research also shows that there is an increasing use of family planning methods mostly among educated and working class women. Apart from that, Islamic religion factor is also one of the important factor that prevent fertility decline and contribute to high fertility rate in Kelantan. The 70 Million Population Policy is also looked into and it shows that only 17.3 percent respondent have information about this policy.

**BAB 1:**  
**PENGENALAN KEPADA KAJIAN**

**1.1 Pengenalan**

Persoalan tentang perkahwinan dan kesuburan merupakan dua perkara penting yang perlu direalisasi oleh wanita masa kini bagi memastikan kesinambungan generasi muda pada masa akan datang. Kajian mengenai kesuburan yang dijalankan ini adalah melibatkan wanita yang telah berkahwin. Justeru itu, penyelidikan ini akan menyelidiki tahap kesuburan Melayu di negeri Kelantan dan ianya merupakan satu kajian kes tentang faktor-faktor sosio budaya yang mempengaruhi kesuburan di Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian kesuburan yang berkaitan dengannya di Malaysia. Isu yang hendak dikaji pengkaji adalah mengenai faktor penyumbang kepada berlakunya tahap kesuburan di Kelantan yang masih lagi tinggi pada masa sekarang berbanding negeri lain yang terdapat di Malaysia. Seterusnya, dilihat pula mengenai objektif serta hipotesis kajian.

Batasan dan skop kajian turut sama diperbincangkan dalam kajian ini. Keterangan konsep pula adalah konsep-konsep yang akan digunakan sepanjang perbincangan dalam tesis ini. Kerangka konseptual pula adalah mengenai penentu-penentu kesuburan iaitu melibatkan faktor sosio budaya, persekitaran, biososial, sikap dalam mengekalkan saiz keluarga dan juga pengetahuan serta sikap terhadap amalan perancang keluarga. Organisasi kajian pula melibatkan draf-draf topik yang akan diperbincangkan pada bab yang seterusnya iaitu draf yang merangkumi enam bab.



## **1.2 Saiz dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Malaysia**

Sebelum penubuhan Malaysia pada tahun 1965, banci penduduk Semenanjung Malaysia telah bermula pada tahun 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957. Jumlah penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 1911 adalah seramai 2.34 juta orang telah meningkat daripada 2,339,051 kepada 6,278,758 pada tahun 1957 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1977). Ini bermakna dalam tempoh ini penduduk Malaysia bertambah sebanyak 3,939,707 iaitu pertambahan sebanyak 168.4 peratus pada tahun 1957. Berdasarkan perangkaan ini, antara tahun 1911 sehingga 1957 kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh ini adalah 2.2 peratus setahun dan kadar ini terus meningkat selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Banci penduduk Malaysia sepenuhnya diadakan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1970 dan 2000 dan kadar pertumbuhan penduduk puratanya sehingga 2005 ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Jadual ini menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia adalah tinggi dan melebihi 2.6 peratus setahun sejak tahun 1970. Berdasarkan jadual ini juga didapati negeri Selangor dan Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi, sebaliknya berdasarkan kadar pertumbuhan penduduk 1991-2000, negeri Kelantan, Perak dan Perlis mencatatkan pertumbuhan penduduk yang kurang daripada 1 peratus. Berdasarkan jadual ini juga boleh dirumuskan bahawa negeri-negeri di Malaysia mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang tidak sama dan ianya disebabkan perbezaan aliran migrasi dalaman antara negeri-negeri tersebut sejak beberapa dekad yang lalu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005). Perbincangan

seterusnya akan memfokuskan kepada perbezaan trend kesuburan dan perbezaan antara negeri-negeri dan kumpulan etnik utama di Malaysia.

Jadual 1.1: Jumlah penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan Malaysia, 1970-2005.

Negeri	Jumlah penduduk			Kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan (%)			
	1970 (Banci)	2000 (Banci)	2005 (Anggaran)	1970- 1980	1980- 1991	1991- 2000	2000- 2005
<b>Johor</b>	1,277,180	2,740,625	3,101,200	2.13	2.45	2.66	2.50
<b>Kedah</b>	954,947	1,649,756	1,848,100	1.21	1.72	2.11	2.29
<b>Kelantan</b>	684,738	1,313,014	1,505,500	2.27	2.89	0.93	2.77
<b>Melaka</b>	404,125	635,791	713,000	1.00	1.14	2.05	2.31
<b>Negeri Sembilan</b>	481,563	859,924	946,300	1.35	2.08	1.96	1.93
<b>Pahang</b>	504,945	1,288,376	1,427,000	4.20	2.79	1.97	2.06
<b>Perak</b>	1,569,139	2,051,236	2,256,400	1.05	0.67	0.43	1.92
<b>Perlis</b>	121,062	204,450	224,500	1.79	2.17	0.80	1.88
<b>Pulau Pinang</b>	776,124	1,313,449	1,468,800	1.49	1.52	1.81	2.26
<b>Sabah</b>	636,431	2,603,485	2,931,700	3.79	5.67	4.18	2.40
<b>Sarawak</b>	976,269	2,071,506	2,312,600	2.36	2.59	2.10	2.22
<b>Selangor</b>	982,090	4,188,876	4,736,100	3.73	4.33	6.32	2.48
<b>Terengganu</b>	405,368	898,825	1,016,500	2.59	3.43	1.18	2.49
<b>W.P. Kuala Lumpur</b>	648,276	1,379,310	1,556,200	3.50	2.00	1.31	2.44
<b>W.P Labuan</b>	17,173	76,067	83,500	4.31	6.54	3.70	1.88
<b>MALAYSIA</b>	10,439,430	23,274,690	26,127,700	2.30	2.64	2.66	2.33

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2000b; 2002; 2005 dan 2005a).

### 1.3 Struktur Umur, Jantina dan Nisbah Tanggungan

Taburan penduduk Malaysia bagi tahun 2000 adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.2. Berdasarkan jadual tersebut didapati jumlah penduduk dalam kumpulan umur 0-14 tahun adalah sebanyak 33.3 peratus, manakala populasi penduduk tua yang berumur 65 tahun ke atas sebanyak 3.9 peratus. Penduduk lelaki yang berumur 0-14 tahun adalah 33.7 peratus, manakala bagi penduduk perempuan ialah 32.9 peratus. Golongan tua lelaki adalah sebanyak 3.6 peratus, manakala perempuan 4.2 peratus. Nisbah jantina pula menunjukkan 103.8 lelaki per 100 wanita. Bagi

penduduk muda 0-14 tahun dan golongan dewasa 40-59 tahun nisbah jantinya adalah tinggi.

Jadual 1.2: Struktur umur penduduk Malaysia, 2000.

Kumpulan Umur	Jumlah	Lelaki		Perempuan		Nisbah Jantina
		Bil	%	Bil	%	
0-4	2,612,744	1,347,633	11.4	1,265,111	11.1	106.5
5-9	2,646,527	1,364,984	11.5	1,281,543	11.2	106.5
10-14	2,491,777	1,276,348	10.8	1,215,429	10.6	105.0
15-19	2,367,021	1,195,803	10.1	1,171,218	10.2	102.1
20-24	2,087,173	1,050,916	8.9	1,036,257	9.1	101.4
25-29	1,921,052	972,668	8.2	948,384	8.3	102.5
30-34	1,800,196	915,814	7.7	884,382	7.7	103.5
35-39	1,705,044	866,212	7.3	838,832	7.3	103.3
40-44	1,487,498	764,706	6.4	722,792	6.3	105.8
45-49	1,168,527	604,844	5.1	563,683	4.9	107.3
50-54	918,868	480,261	4.0	438,607	3.8	109.5
55-59	616,598	320,119	2.7	296,479	2.6	107.9
60-64	551,027	274,216	2.3	276,811	2.4	99.1
65-69	346,725	164,943	1.4	181,782	1.6	90.7
70-74	264,119	125,883	1.1	138,236	1.2	91.1
75 dan ke atas	289,794	128,082	1.1	161,712	1.4	79.2
<b>JUMLAH</b>	<b>23,274,690</b>	<b>11,853,432</b>	<b>100</b>	<b>11,421,258</b>	<b>100</b>	<b>103.8</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2001d).

#### 1.4 Trend Kesuburan dan Perbezaannya di Malaysia.

Berdasarkan hasil kajian mengenai kesuburan di Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu didapati terdapat perbezaan kesuburan yang sangat ketara antara etnik utama di Malaysia dan mengikut negeri sejak tahun 1940an hingga sekarang. Berdasarkan perangkaan tahun 1950, kadar kelahiran kasar bagi ketiga-tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India adalah 44.9, 41.9 dan 45.5 per 1000 penduduk (Federation of Malaya, 1952). Seterusnya pada tahun 1960, kadar kelahiran kasar bagi ketiga-tiga etnik tersebut adalah 43.3, 37.5 dan 43.4 per 1000 penduduk (Federation of Malaya, 1962). Pada tahun 1970 pula, kadar kelahiran kasar menunjukkan etnik Cina dan India lebih cepat mengalami penurunan

berbanding etnik Melayu di seluruh Malaysia mahupun di Semenanjung Malaysia (Rujuk Jadual 2.8, hlm: 40) .

Pada tahun 1950, terdapat dua buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mencatatkan kadar kelahiran yang tinggi iaitu Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing 46.4 per 1000 penduduk, manakala negeri yang mencatatkan kadar paling rendah adalah Kelantan 35.1 per 1000 penduduk (Federation of Malaya, 1952). Pada tahun 1960, negeri yang mencatatkan kadar kelahiran kasar yang tinggi adalah Melaka dan Johor iaitu 46.6 dan 46.2 per 1000, manakala kadar paling rendah dicatatkan oleh negeri Perlis 36.2 per 1000 penduduk (Federation of Malaya, 1962). Berdasarkan perangkaan kesuburan yang disebutkan ini terdapat dua isu utama yang boleh dikaji iaitu mengapa wujudnya perbezaan antara etnik di Malaysia dan begitu juga dengan faktor penyebab negeri-negeri yang maju dari segi sosio ekonominya mempunyai kadar kelahiran yang rendah berbanding negeri-negeri yang mundur masih mempunyai tahap kesuburan yang tinggi.

Merujuk kepada perbezaan kesuburan mengikut etnik didapati etnik Cina yang sebahagian besarnya tinggal di bandar mempunyai kadar kelahiran yang sangat rendah sekarang ini berbanding dengan etnik Melayu di Kelantan yang tahap pembandarannya masih rendah mempunyai kadar kelahiran yang tinggi. Selain itu, kajian Usman Haji Yaakob (1989), turut membincangkan mengenai kesuburan di Malaysia yang mula menurun sejak akhir tahun 1960an terutamanya bagi wanita berumur kurang 20 tahun. Menurut kajian lain di antara faktor penurunan kesuburan adalah peningkatan umur perkahwinan, bersikap positif terhadap penggunaan perancang keluarga, urbanisasi dan juga peningkatan taraf pendidikan bagi wanita

(Usman Haji Yaakob, 1999). Menurut DaVanzo dan Haaga (1982), peningkatan umur kahwin, pendidikan, pekerjaan dan perancangan keluarga adalah antara faktor terpenting dalam mempengaruhi berlakunya penurunan kesuburan.

Selain itu, kajian Heah (2005) di Pulau Pinang mendapati kadar kelahiran bagi etnik Cina semakin menurun dari tahun ke tahun. Penurunan tersebut dipengaruhi oleh faktor sosio ekonomi termasuk pendidikan, penglibatan wanita dalam tenaga buruh, keadaan sosial akibat urbanisasi, perindustrian dan perubahan struktur serta fungsi keluarga. Seperti yang kita sedia maklum, etnik Cina lebih cenderung untuk berkeluarga kecil berbanding etnik yang lain. Kajian ini juga telah melihat bagaimana pendapatan keluarga didapati mempunyai perkaitan yang rapat dengan kos saraan anak. Sekiranya jumlah pendapatan adalah tinggi tentunya mereka tiada masalah dalam kos sara anak-anak. Namun begitu, jika jumlah pendapatan yang rendah, maka ianya akan memberikan kesan terhadap kesuburan kerana mereka lebih cenderung untuk berkeluarga kecil. Didapati wanita yang berkerjaya juga sememangnya mempunyai jumlah anak yang sedikit berbanding wanita yang tidak bekerja seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 tersebut.

Jadual 1.3: Perkaitan antara jumlah anak yang dimiliki dengan wanita berkerjaya.

Bilangan anak yang dimiliki	Adakah puan berkerjaya		Jumlah responden
	Ya (%)	Tidak (%)	
0	6.8	0	13
1	17.7	10.2	45
2	45.3	51.9	143
3	30.2	28.7	89
4	0	8.3	9
5	0	0.9	1
<b>JUMLAH</b>	100	100	300

Sumber: Ubahsuai daripada Heah (2005).

Kajian kesuburan wanita Iban di Sawarak telah dijalankan oleh John Brodi (2005). Kajian yang dijalankan beliau ialah tentang faktor sosio ekonomi yang telah mempengaruhi amalan perancang keluarga ke atas wanita Iban. Jadual 1.4 menunjukkan tentang kadar kelahiran kasar bagi semua kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak pada tahun 1999 hingga tahun 2001. Daripada Jadual 1.4 didapati etnik Melayu mendahului etnik-etnik yang lain dengan mencatatkan kesuburan yang tertinggi. Namun begitu, etnik Iban menunjukkan kadar kelahiran kasar yang terendah dari tahun ke tahun iaitu pada tahun 1999 hingga tahun 2001. Kadar kelahiran kasar etnik Iban semakin menurun pada tahun 2001 kepada 22.2 per 1000 penduduk daripada 22.7 per 1000 penduduk pada tahun 2000. Ini menunjukkan tahap kesuburan wanita Iban adalah rendah disebabkan beberapa faktor seperti min umur perkahwinan yang meningkat dan penggunaan perancang keluarga yang semakin meluas di kawasan pedalaman.

Jadual 1.4: Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar penduduk mengikut kumpulan etnik di Sarawak.

Kaum/ Tahun	Bilangan kelahiran			Kadar kelahiran Kasar (per 1000 penduduk)		
	1999	2000	2004	1999	2000	2004
<b>Jumlah</b>	<b>45852</b>	<b>46897</b>	<b>46758</b>	<b>22.6</b>	<b>22.5</b>	<b>21.9</b>
<b>Melayu</b>	11451	11502	11468	26.3	25.6	24.8
<b>Iban</b>	13036	13379	13307	22.6	22.7	22.2
<b>Bidayuh</b>	3899	3982	3963	23.7	23.5	22.9
<b>Melanau</b>	2830	3022	3041	25.1	26.3	26.0
<b>Bumiputera lain</b>	2774	3024	3066	23.6	25.5	25.5
<b>Cina</b>	10891	10828	1071	20.0	19.4	18.8
<b>Lain-lain</b>	971	1160	1212	12.6	13.4	12.8

Sumber: Ubahsuai daripada John Brodi (2005).

## **1.5 Isu dan Permasalahan Kajian**

Menurut United Nations (2001) kadar kelahiran kasar di Asia Tenggara telah menurun daripada 43.9 per 1000 penduduk bagi tahun 1950-1955 kepada 21.4 per 1000 penduduk (2000-2005), manakala kadar jumlah kesuburan telah menurun daripada 5.95 kepada 2.52 kanak-kanak per wanita 15-49 tahun dalam tempoh tersebut. Di Malaysia berdasarkan unjuran yang dikemukakan oleh United Nations kadar kelahiran kasar telah menurun daripada 45.2 kanak-kanak per wanita (1950-1955) per 1000 penduduk kepada 22.3 kanak-kanak per wanita (2000-2005) per 1000 penduduk. Kadar jumlah kesuburan pula telah mencatatkan penurunan daripada 6.83 (1950-1955) per wanita (15-49 tahun) kepada 2.90 (2000-2005) per wanita (15-49 tahun) (United Nations, 2001). Ini memberi petunjuk jelas bahawa penurunan kesuburan di negara-negara Asia Tenggara berlaku sejak lebih lima dekad lalu.

Walau bagaimanapun, mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2001c), kadar kelahiran kasar di Malaysia telah menurun daripada 38.1 per 1000 penduduk pada tahun 1963 kepada 22.6 per 1000 penduduk pada tahun 2000 dan 19.4 per 1000 tahun 2004 iaitu penurunan sebanyak 49.1 peratus. Sebaliknya trend kesuburan di negeri Kelantan telah mencatatkan kadar kelahiran kasar yang lebih tinggi sebanyak 35.1 per 1000 penduduk pada tahun 1950, 29.4 per 1000 penduduk pada tahun 2000 dan 24.6 per 1000 penduduk bagi tahun 2004 (Rujuk Jadual 2.8, hlm: 40). Peralihan ini menunjukkan peratus penurunan sebanyak 29.9 peratus (1950-2004). Peratus penurunan tersebut adalah yang terendah jika dibandingkan dengan negeri lain yang terdapat di Malaysia. Ini menimbulkan persoalan dan perdebatan akademik bagaimana trend kesuburan etnik Melayu di Kelantan adalah perlahan dan fenomena

demografi ini akan memberi impak kepada sosio ekonomi dan politik masa depan ke atas lebih kurang 93.0 peratus etnik Melayu di Kelantan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001d). Negeri Kelantan juga dikatakan tidak dapat mengekang berlakunya penurunan kesuburan akibat daripada hampir 95.0 peratus penduduknya adalah penduduk Melayu yang beragama Islam.

Ekoran daripada persoalan berkenaan, maka menjadi hasrat pengkaji untuk menjalankan kajian saintifik bagi mengetahui lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap wanita Kelantan dalam mengekalkan saiz keluarga yang besar atau dengan kata lain kesuburan yang tinggi pada masa kini. Perbandingan antara orang Islam di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya sudah pasti akan dapat memberikan maklumat yang lebih jelas tentang hubungan antara agama dengan kesuburan yang tinggi. Menurut Abu'l A'la Al-Maududi (1985) Islam telah menghapuskan segala pengaruh yang cuba menyekat manusia dari berkembang biak (beranak-pinak). Kajian di India menunjukkan kadar jumlah kesuburan penduduk Islam di negara tersebut adalah 4.41 kanak-kanak per wanita berbanding penduduk yang beragama Hindu sebanyak 3.3 kanak-kanak per wanita (Gandotra, et.al, 1998). Kesimpulannya, kesuburan etnik Melayu di Malaysia sewajarnya mempunyai tahap kesuburan yang lebih tinggi berbanding kesuburan etnik Cina (1.9 kanak-kanak) dan India (2.1 kanak-kanak) yang telah mencapai paras penggantian pada masa kini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003).

Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang sedang meningkat maju dan kemajuan yang dicapai setakat ini telah memberi impak kepada kesuburan sama ada daripada segi ruangan (negeri/ daerah



pentadbiran, bandar- luar bandar). Dapat diperhatikan bahawa kadar kesuburan telah menurun dan ianya adalah tidak sekata terutamanya mengikut etnik dan juga negeri. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang mengalami penurunan kesuburan yang agak perlahan berbanding di negeri Pulau Pinang, Selangor dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kajian kefahaman terhadap penyebab kesuburan yang masih lagi tinggi di Kelantan memerlukan penganalisan yang komprehensif terhadap sosio budaya dan persekitaran penduduk di Kelantan. Kajian ini juga akan mengenal pasti faktor yang menyebabkan penurunan kesuburan yang agak perlahan di negeri ini dan kadar kelahiran yang masih lagi tinggi pada masa sekarang. Apakah faktor yang memungkinkan berlakunya trend kesuburan seperti ini? Adakah ianya disebabkan faktor taraf pendidikan yang rendah, wanita Kelantan yang tidak bekerja, umur perkahwinan yang rendah, kurangnya amalan perancang keluarga bagi wanita Islam di Kelantan atau mungkin juga ada faktor lain yang menyebabkan fenomena ini berlaku di Kelantan? Dalam hubungan ini, agama Islam tidak melarang umatnya untuk merancang keluarga atas sebab-sebab tertentu seperti tujuan kesihatan (kesihatan ibu dan penyakit keturunan yang akan diwarisi oleh anak) dan bimbang akan bertambah bebanan apabila mempunyai anak yang ramai, maka pasangan suami isteri itu mempunyai kebebasan penuh untuk merancang kelahiran (Ahmad Shalaby, 2001).

Menurut United Nations (1973), agama sememangnya dapat menahan kesuburan daripada menurun seperti yang berlaku di negara-negara membangun yang ramai penduduk Islam. Dalam masyarakat Islam, terdapat kepercayaan konservatif yang

menggalakkan penduduknya untuk mempunyai ramai anak dan menolak pengaruh moden bagi pembentukan saiz keluarga yang kecil (United Nations, 1973). Sebagai contoh kajian Muhammad Faour (1989) mendapati lebih separuh daripada negara-negara Arab belum lagi berusaha untuk mengurangkan tahap kesuburan yang tinggi di negara-negara rantau teluk tersebut. Antara perkara yang menjadi teras kajian pengkaji adalah untuk memahami tentang kesuburan dan amalan perancang keluarga etnik Melayu di Kelantan dan yang berkaitan dengannya serta persepsi terhadap saiz keluarga serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Oleh yang demikian objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

### **1.6 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti aras kesuburan dan min umur perkahwinan pertama responden wanita berkahwin di Mukim Chetok, Pasir Mas, Kelantan.
2. Mengenalpasti faktor-faktor sosio budaya yang telah mempengaruhi aras kesuburan responden wanita berkahwin di kawasan kajian.
3. Meneliti tahap pengetahuan, sikap dan amalan perancang keluarga responden wanita yang telah berkahwin.
4. Membuktikan hubungan antara agama Islam dengan kesuburan yang tinggi serta keinginan berkeluarga besar wanita Melayu dalam mempengaruhi kesuburan pada masa depan.

### **1.7 Hipotesis Kajian**

1. Aras kesuburan wanita Melayu di kawasan kajian adalah tinggi, manakala min umur perkahwinan pertama responden adalah rendah

2. Faktor-faktor sosio budaya seperti taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan sememangnya mempengaruhi tahap kesuburan responden wanita yang telah berkahwin di Mukim Chetok, Pasir Mas, Kelantan.
3. Wanita di Mukim Chetok mempunyai pengetahuan tentang amalan perancang keluarga tetapi sikap mereka yang negatif terhadap amalan perancang keluarga menyebabkan kadar kelahiran adalah tinggi.
4. Terdapat perkaitan antara agama Islam dengan kesuburan yang tinggi serta keinginan kepada saiz keluarga yang besar bagi wanita Melayu yang telah mempengaruhi kesuburan pada masa ini dan juga masa akan datang.

### **1.8 Masalah Semasa Kajian**

Setiap kajian ataupun penyelidikan yang dijalankan pastinya tidak akan terlepas daripada menghadapi masalah ataupun kesulitan. Masalah-masalah tersebut secara tidak langsung sedikit sebanyak mengganggu proses penyelidikan. Namun begitu, masalah-masalah yang timbul dapat diatasi pengkaji dengan baik bagi melancarkan proses penyelidikan dan juga bagi mendapatkan mutu hasil kerja yang baik. Antara masalah yang dihadapi pengkaji semasa membuat kajian antaranya adalah:

1. Kajian yang dijalankan pengkaji pada mulanya kurang mendapat sambutan dan kerjasama yang baik daripada responden terutamanya responden yang telah berusia yang rata-ratanya mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Mereka tidak memahami tentang objektif sebenar kajian ini dijalankan kerana mereka menganggap ianya adalah untuk kepentingan pihak yang tertentu namun setelah diberi penerangan mengenai tujuan sebenar kajian ini barulah mereka memahaminya dan memberikan kerjasama yang baik.

2. Proses soal selidik juga mengambil masa yang lama kerana soalan yang disediakan pengkaji adalah banyak yang perlu diisi responden. Selain itu, soalan yang dikemukakan juga memerlukan pemikiran dan peringatan terutamanya tentang taraf pendidikan, umur perkahwinan pertama, bilangan anak, keguguran, pengetahuan dan juga amalan perancang keluarga. Keadaan ini mengambil masa yang lama dan menimbulkan rasa bosan bagi responden.

### **1.9 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini meliputi kawasan kajian di Mukim Chetok, Jajahan Pasir Mas Kelantan. Dalam kajian ini seramai 318 responden telah dipilih. Responden terdiri daripada wanita Melayu yang telah berkahwin. Kajian ini bagi meneliti trend kesuburan wanita mengikut jumlah anak yang pernah dilahirkan wanita tersebut. Selain daripada itu, amalan perancang keluarga juga dikaji bagi mengaitkannya dengan tahap kesuburan responden berkenaan. Selain itu, pandangan responden mengenai Dasar 70 Juta Penduduk turut sama dikaji bagi melihat sejauh mana kefahaman dan penglibatan mereka dengan dasar berkenaan yang dilihat amat penting terhadap negara Malaysia bagi mencapai sasaran jumlah penduduk yang ditetapkan.

### **1.10 Kepentingan Kajian**

1. Kajian mengenai kesuburan etnik Melayu di Kelantan akan dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti kerajaan memahami tentang faktor-faktor penyebab kesuburan di negeri Kelantan yang masih lagi tinggi berbanding negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia yang telah mengalami penurunan kesuburan.

2. Berdasarkan penemuan tersebut di atas, pihak berkuasa bolehlah merancang pelan pembangunan yang berkaitan bagi mengatasi masalah-masalah sosio ekonomi dan pembiakan yang akan timbul sebagai akibat daripada kadar kelahiran yang masih lagi tinggi di negeri ini contohnya seperti keperluan perancang keluarga, masa keibubapaan terancang (*planned parenthood*), pendidikan reproduktif, kelahiran berat lahir rendah (kurang 2.5 kg), kebajikan dan sebagainya.
3. Kajian ini juga akan dapat mengenal pasti kumpulan umur ibu (35 tahun dan ke atas) yang berisiko tinggi semasa melahirkan anak dan menyediakan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko kematian bayi dan ibu-ibu bersalin serta mempertingkatkan tahap kesihatan ibu-ibu dalam kumpulan umur reproduktif (15-49 tahun).
4. Kajian ini juga dapat menilai sejauhmana sumbangan negeri Kelantan dalam mencapai sasaran Dasar 70 Juta Penduduk yang dimulakan sejak awal tahun 1980an dapat dicapai di negeri ini berbanding kegagalan dasar ini di negeri Pulau Pinang.
5. Penemuan kajian ini akan dapat membantu kerajaan merangka semula dasar kependudukan negara terutamanya dari segi penentuan objektif-objektif yang berkaitan, sama ada masih menyokong dasar yang “prokelahiran”(dasar 70 juta) atau dasar “antikelahiran” yang diamalkan sejak tahun 1966 sehingga awal 1980an.

6. Kajian ini juga dapat memberi petunjuk bahawa negeri-negeri yang mempunyai kadar kelahiran rendah akan mengalami masalah pertambahan golongan tua yang semakin meningkat seperti yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Tahap kesuburan yang tinggi seperti di Kelantan dapat menyumbangkan lebih banyak tenaga buruh untuk pembangunan negara berbanding negeri-negeri yang ramai penduduk tua akan menghadapi masalah pengendalian warga tua yang semakin rumit dan kompleks.

### **1.11 Keterangan Konsep**

Penjelasan konsep adalah penerangan mengenai konsep-konsep yang akan digunakan perbincangan pada bab seterusnya dan juga isu-isu penting yang sering diutarakan. Penyelidikan mengenai kesuburan dan amalan perancang keluarga tentunya tidak terlepas daripada menyebut beberapa konsep tersebut.

#### **1.11.1 Kesuburan**

Ianya merujuk kepada jumlah kelahiran hidup yang dilahirkan oleh wanita (Lucas, 1980). Selain itu ianya juga menerangkan tentang jumlah anak yang dimiliki oleh wanita berkenaan. Kesuburan juga bermaksud prestasi kelahiran sebenar seseorang wanita (Shryock, et al; 1976).

#### **1.11.2 Kadar Kelahiran Kasar**

Kadar kelahiran kasar merujuk kepada nisbah jumlah kelahiran hidup yang didaftarkan dengan jumlah penduduk bagi tahun yang berkenaan (Usman Haji Yaakob, 1989; Pressat, 1978). Ianya didarabkan dengan 1000 dan dinyatakan sebagai kelahiran per 1000 penduduk.

### **1.11.3 Kadar Kematian Kasar**

Kadar kematian kasar bermaksud nisbah jumlah kematian yang didaftarkan dengan jumlah penduduk bagi tahun berkenaan dan didarabkan dengan 1000 (Barrett, 1992). Ianya dinyatakan sebagai kadar kematian per 1000 penduduk.

### **1.11.4 Kadar Kematian Bayi**

Kematian bayi bermaksud kematian yang berlaku kepada mana-mana bayi yang dilahirkan hidup sebelum mereka sempat merayakan hari jadi yang pertama (Usman Haji Yaakob, 2008). Manakala pengiraan kadar kematian bayi adalah kadar kematian bayi dalam tempoh berkenaan didarabkan dengan 1000 dan dibahagikan dengan jumlah kelahiran hidup pada tahun tersebut (Usman Haji Yaakob, 2008).

### **1.11.5 Kadar Jumlah Kesuburan**

Kadar jumlah kesuburan adalah kaedah untuk mengukur kadar kesuburan bagi ibu-ibu yang dalam kumpulan umur mengandungi iaitu yang berumur antara 15-49 tahun. Dengan kata lain, kadar jumlah kesuburan adalah sama dengan jumlah anak yang pernah dilahirkan oleh sekumpulan ibu tertentu yang mencapai umur reproduktif (Usman Haji Yaakob, 1989). Sebagai contoh, sekiranya kadar jumlah kesuburan adalah 6.22 kanak-kanak ianya menunjukkan setiap wanita yang berumur 15-49 tahun mempunyai lebih kurang enam orang anak.

### **1.11.6 Kadar Kesuburan Umur Tertentu.**

Kajian mengenai prestasi kesuburan wanita juga menggunakan kadar kesuburan umur tertentu. Ianya bermaksud jumlah kelahiran yang dicatatkan oleh setiap

kumpulan umur yang berumur reproduktif (15-19, 20-24, 25-29, 30-34, 35-39, 40-44, 45-49) (Pressat, 1978; 1972).

#### **1.11.7 Saiz Keluarga**

Saiz keluarga pula merujuk kepada bilangan isi rumah yang terdapat dalam sesebuah keluarga termasuk ibu, bapa dan anak-anak. Ianya lebih menjurus kepada bilangan anak yang dimiliki dalam sesebuah keluarga berkenaan (Petersen, 1990) saiz keluarga dalam kajian ini merujuk kepada bilangan anak yang dilahirkan oleh wanita dalam sesebuah keluarga berkenaan.

#### **1.11.8 Tempoh Gestasi**

Tempoh gestasi adalah tempoh kehamilan bagi seseorang wanita berkenaan. Tempoh gestasi yang normal bagi wanita adalah 37 minggu atau dengan kata lain 9 bulan 10 hari. Apabila tempoh gestasi adalah kurang daripada 37 minggu maka kelahiran tersebut adalah kelahiran pra-matang atau dengan kata lain kelahiran yang tidak cukup bulan (Shryock, et al; 1976). Kelahiran berkenaan juga tentunya membahayakan kesihatan ibu dan bayi yang bakal dilahirkan.

#### **1.11.9 Fekunditi**

Fekunditi adalah sangat berbeza dengan *fertility*/ kesuburan. Fekunditi bermaksud kebolehan/ keupayaan seseorang wanita itu dalam melahirkan anak (Lucas, 1980). Sekiranya seseorang wanita itu berupaya melahirkan anak maka ianya digelar sebagai *fecund*. Sekiranya tidak ianya digelar wanita mandul atas sebab-sebab penggunaan kontraseptif atau pembedahan perubatan (Spiegelman, 1973).



#### **1.11.10 Pariti**

Pariti pula merujuk kepada bilangan/ susunan anak yang dilahirkan hidup oleh seorang ibu (Usman Haji Yaakob, 1989). Seseorang wanita yang tidak mempunyai anak, maka paritinya adalah kosong. Pariti juga ditentukan mengikut giliran kelahiran ataupun disebut juga sebagai susunan kelahiran. Contohnya anak yang pertama disebut sebagai pariti yang pertama, anak kedua menjadi pariti kedua dan seterusnya (Hinde, 1998).

#### **1.11.11 Umur Perkahwinan Pertama**

Umur perkahwinan pertama adalah merujuk kepada umur bagi seseorang wanita itu berkahwin pada kali yang pertama (Hinde, 1998). Perkahwinan merupakan suatu proses yang sangat penting bagi menentukan pembentukan institusi keluarga yang dapat melahirkan zuriat dan generasi pada masa akan datang. Menurut Usman Haji Yaakob (1997), sekiranya umur perkahwinan pertama wanita semakin meningkat ianya akan memberikan impak yang besar kepada kadar kesuburan.

#### **1.11.12 Kontraseptif**

Kontraseptif adalah penggunaan pelbagai alat perancang keluarga bagi menjarakkan kehamilan. Kaedah-kaedah kontraseptif yang biasa digunakan adalah penggunaan pil, penggunaan kondom, pemandulan, kaedah suntikan dan sebagainya.

#### **1.11.13 Taraf Pendidikan**

Ianya merujuk kepada tingkat pencapaian pendidikan yang dicapai serta kadar kenal huruf seperti kebolehan memahami apa yang dibaca serta berkemampuan menulis (Spiegelman, 1973). Ianya juga berkaitan dengan kehadiran ke sekolah secara

formal ataupun tidak. Taraf pendidikan seperti tidak bersekolah, sekolah pondok, sekolah rendah, sekolah menengah rendah (PMR), sekolah menengah atas (SPM), sekolah menengah atas (STPM), maktab, institusi dan juga peringkat universiti. Taraf pendidikan yang dimiliki amat mempengaruhi sosio ekonomi dan budaya dalam sesebuah masyarakat.

#### **1.11.14 Pekerjaan Wanita**

Kategori pekerjaan yang diceburi wanita masa kini adalah seperti pertanian, pemburuan, perikanan, perdagangan jual borong dan runcit, penggubal undang-undang, pembinaan, pendidikan, pentadbiran, pertahanan awam dan sebagainya.


#### **1.11.15 Dasar 70 Juta Penduduk**

Dasar 70 Juta Penduduk adalah dasar yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri dan pembangunan ekonomi yang diharapkan dapat dicapai pada tahun 2100 (Abdul Majid Salleh, 1987). Dasar ini menggalakkan penduduknya supaya mempunyai sekurang-kurangnya lima orang anak bagi sebuah keluarga (Mahathir Mohamad, 1983). Cadangan ini bertujuan memastikan kemerosotan tahap kesuburan di Malaysia tidak berlaku dengan cepat sebagaimana yang berlaku di negara-negara maju dan membangun. Penyokong-penyokong dasar ini terutamanya ahli politik memberi cadangan dan mengambil tindakan menggalakkan kelahiran supaya matlamat 70 Juta Penduduk dapat dicapai (Abdul Majid Salleh, 1987). Namun begitu, terdapat juga golongan masyarakat yang khuatir dengan dasar berkenaan kerana ianya dianggap sebagai membawa kesan yang negatif terhadap pembangunan ekonomi negara.

### **1.12 Penentu- penentu Kesuburan**

Mengikut kajian demografi, proses melahirkan anak oleh seseorang wanita adalah dipengaruhi oleh faktor sosio ekonomi dan budaya yang seterusnya mesti melalui satu atau lebih pembolehubah pertengahan (*intermediate variable*) (Rajah 1.1). Menariknya, dalam aspek ini, setiap faktor mempunyai hubungkait secara langsung bagi setiap penentu yang lain. Penentu utama yang mempengaruhi kesuburan adalah faktor sosio ekonomi. Contohnya, tahap pendidikan, pendapatan dan juga tahap kesihatan bagi sesebuah keluarga. Tahap pendidikan yang dimiliki akan mempengaruhi umur perkahwinan manakala pendapatan pula mempengaruhi jumlah anak yang diinginkan. Bagi yang mempunyai pendapatan yang kurang, tentunya mereka akan menghadkan bilangan anak disebabkan taraf hidup yang semakin tinggi pada masa sekarang sekarang.

Seterusnya pula adalah faktor budaya yang merangkumi agama dan etnik yang dianuti sesebuah keluarga berkenaan. Dikatakan agama sememangnya boleh mempengaruhi tahap kesuburan. Etnik Melayu yang beragama Islam dikatakan cenderung untuk mempunyai ramai anak berbanding etnik lain terutamanya di Malaysia. Faktor kesedaran dan penggunaan terhadap amalan perancang keluarga juga akan mempengaruhi kesuburan dan ianya akan menyebabkan corak yang berbeza dengan komuniti yang mempunyai kesedaran yang tinggi dengan kesedaran yang rendah mengenai perancangan keluarga. Contohnya, bagi wanita yang tinggal di bandar mereka lebih cenderung mengetahui dan menggunakan perancangan keluarga berbanding wanita yang tinggal di kawasan luar bandar.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual: Penentu-penentu kesuburan.

### **1.13 Organisasi Kajian**

Tesis ini mempunyai enam bab. Bab 1 adalah pengenalan kepada kajian, yang telah diperbincangkan sebelumnya, iaitu mengenai isu yang hendak dikaji, objektif serta hipotesis kajian dan sebagainya. Bab 2, akan membincangkan mengenai tinjauan literatur. Ianya adalah mengenai kajian-kajian terdahulu mengenai kesuburan dan amalan perancang keluarga yang telah dilakukan oleh para pengkaji sebelumnya di dalam mahupun luar negara. Kajian mengenai kesuburan telah dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya kajian kesuburan di Asia, Asia Tenggara, Malaysia, Kelantan dan juga jajahan pentadbiran di Kelantan. Teori mengenai kesuburan turut sama diperbincangkan iaitu mengenai Teori Peralihan Demografi. Perancang keluarga serta urbanisasi dan kemiskinan di Kelantan turut diteliti pengkaji bagi mengaitkannya dengan kesuburan di Kelantan.

Bab 3 pula, akan membincangkan tentang metodologi kajian. Metodologi kajian terbahagi kepada dua iaitu cara pengumpulan data dan juga analisis data. Pengumpulan data dibahagikan kepada dua iaitu pengumpulan data primer dan juga pengumpulan data sekunder. Pengumpulan data primer melibatkan penggunaan borang soal selidik yang melibatkan responden wanita Melayu yang telah berkahwin di Mukim Chetok, Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Pengumpulan data sekunder melibatkan bahan penerbitan seperti buku-buku, jurnal, majalah dan sebagainya bagi menyokong isi kajian. Analisis sampel turut diperbincangkan pada bab 3. Maklumat responden hasil daripada proses soal selidik, telah dianalisis pengkaji dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package Social Sciene*). Penggunaan SPSS adalah tepat dan kerja-kerja analisis dapat dilakukan dengan mudah dan pantas.

Bab 4, adalah mengenai pengaruh sosio budaya terhadap aras kesuburan dan umur perkahwinan pertama wanita di Kelantan. Profil responden akan diperbincangkan dalam bab ini iaitu mengenai umur responden, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan sebagainya. Data kesuburan pula berkaitan dengan umur perkahwinan pertama responden, jumlah anak yang dimiliki serta perkaitannya dengan pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi bilangan anak dan juga umur perkahwinan.

Bab 5 pula adalah mengenai pengetahuan dan amalan perancang keluarga serta keberkesanannya terhadap kesuburan. Bab ini, pengkaji akan membincangkan pengetahuan dan sikap responden terhadap penggunaan amalan perancangan keluarga, kaedah yang digunakan dan juga kesan sampingan akibat daripada penggunaan perancang keluarga. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai sikap responden terhadap saiz keluarga dan juga faktor penyebab kesuburan yang tinggi di Kelantan.

Bab 6, berkaitan dengan tentang rumusan segala penemuan daripada hasil kajian yang dijalankan terhadap 318 orang responden yang terdiri daripada wanita Melayu yang tinggal di Mukim Chetok, Pasir Mas. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan tentang cadangan-cadangan penyelidikan mengenai peranan yang perlu dilakukan badan bertanggungjawab dan juga cadangan penyelidikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain pada masa akan datang yang berkaitan dengan kesuburan dan perancangan keluarga.

## **BAB 2:**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Tinjauan literatur adalah mengenai kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan oleh para pengkaji sebelumnya mengenai kesuburan dan amalan perancang keluarga sama ada di dalam mahupun luar negara. Kajian terdahulu yang disenaraikan terbahagi kepada dua bahagian iaitu mengenai trend kesuburan dan juga amalan perancang keluarga. Skop kajian terdahulu adalah meliputi trend kesuburan di negara-negara Eropah, Asia, Asia Tenggara, Malaysia, Kelantan dan juga jajahan pentadbiran di negeri Kelantan. Diperhatikan bahawa kadar kelahiran kasar dan kadar jumlah kesuburan yang semakin menurun dari tahun ke tahun. Namun berbeza pula dengan negeri Kelantan apabila ianya mencatatkan kadar kelahiran kasar yang masih lagi tinggi pada masa sekarang. Teori mengenai kesuburan juga turut sama diperbincangkan pada bab ini, iaitu Teori Peralihan Demografi. Selain daripada itu, aspek perancangan keluarga di Malaysia juga akan diteliti bagi menilai penerimaan dan penggunaan perancang keluarga bagi wanita berkahwin di kawasan kajian. Tahap pembandaran, pekerjaan dan juga kadar kemiskinan di negeri-negeri Malaysia turut diperbincangkan bagi mengaitkannya dengan kesuburan.

#### **2.2 Trend Kesuburan di Negara Maju dan Membangun**

Analisis sejarah pertumbuhan penduduk di negara-negara maju menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi mula berlaku di Eropah pada kurun ke-18 apabila kadar kematian menurun akibat pembangunan sosio ekonomi atau modenisasi dan diikuti oleh kejayaan dalam Revolusi Pertanian serta Revolusi Perindustrian (Bhendee dan Kanitkar, 1978). Oleh yang demikian, sepanjang kurun